

14 MAY 2000

Rafidah-MT

RAFIDAH MINTA DUA WAKIL WANITA DALAM MT UMNO

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata, beliau telah mengutus surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta agar dua wakil wanita dipilih dalam senarai anggota Majlis Tertinggi (MT) yang dilantik.

"Saya telah menulis surat kepada Dr Mahathir meminta agar sekurang-kurangnya dua wanita dimasukkan dalam senarai anggota MT yang dilantik," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat exco pergerakan itu di sini.

Beliau berkata, terserahlah kepada Presiden parti jika beliau hendak melantik lebih daripada dua orang wanita dan "jika itu berlaku kita akan bersyukur".

Rafidah berkata, dalam surat itu beliau bagaimanapun tidak menyebut sebarang nama di kalangan wakil wanita yang patut dipertimbangkan untuk dilantik ke MT.

"Itu terserahlah kepada Dr Mahathir untuk membuat pilihan kerana itu kuasa beliau sebagai Presiden parti. Wanita Umno akan terima siapa sahaja yang difikirkan layak oleh Dr Mahathir untuk menganggotai MT," katanya.

Kesemua lima calon wanita yang bertanding merebut jawatan MT pada pemilihan parti baru-baru ini tewas. Mereka ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Norraeshah Mohamad, Datuk Maznah Abdul Hamid, Raja Ropiah Raja Abdullah dan Datin Paduka Zaleha Ismail.

Rafidah juga berkata, Wanita Umno akan turut membantu Umno Teluk Kemang bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) di pilihan raya kecil kawasan Parlimen itu.

Beliau berkata anggota wanita Umno dari luar Negeri Sembilan akan turun beramai-ramai ke Teluk Kemang pada hari pencalonan dan akan membantu rakan mereka dalam BN dengan mengadakan majlis penerangan serta kempen dari rumah ke rumah.

Pada majlis itu Rafidah mengumumkan bahawa Senator Faridah Abu Hassan dilantik sebagai setiausaha pergerakan itu di peringkat pusat, manakala Azizah Samad sebagai Bendahari dan Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin sebagai Ketua Penerangan.

Rafidah juga mengumumkan senarai ketua dan naib ketua perhubungan wanita Umno negeri yang menyaksikan pengguguran beberapa ketua lama iaitu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (Pahang), Azizah Samad (Wilayah Persekutuan), Fatimah Ismail (Kedah), Zaleha Long (Terengganu), Datuk Norjan Khan Bahadar (Sabah), Zaleha Hussin (Kelantan), Datuk Sabariah Ahmad (Johor) dan Ramlah Abbas (Melaka).

Pengganti mereka ialah Maznah Mazlan (Pahang), Datuk Shahrizat Abdul Jalil (Wilayah Persekutuan), Rosnah Majid (Kedah), Senator To'Puan Wan Asiah Wan Ahmad (Terengganu), Datuk Dayang Mahani Pengiran Ahmad Rafae (Sabah), Datin Nik Azizah Nik Yahya, Halimah Mohd Sadique (Johor) dan Senator Datuk Hazizah Mohd Sultan.

Kecuali ketua perhubungan bagi negeri Perak yang belum dilantik, lain-lain ketua perhubungan yang dikekalkan ialah Mastika Junaidah Husin (Perlis), Saripah Aminah Syed Mohd (Pulau Pinang), Seripah Noli (Selangor) dan Datuk Napsiah Omar (Negeri Sembilan).

Rafidah juga mengumumkan penubuhan 19 biro termasuk dua biro baru iaitu hal ehwal Sabah yang diketuai oleh Norjan Khan dan Perumahan dan Pembangunan Bandar yang diketuai oleh Mariany Mohd Yit.

Lain-lain ketua biro ialah Rafidah (politik), Maznah Hamid (pembangunan sumber manusia), Senator Kamilai Ibrahim (undang-undang), Mesrah Selamat (kebajikan), Mastika Junaidah (hal ehwal pengguna), Maznah Mazlan (pendidikan), Raja Ropiah (pembangunan usahawan) dan Senator Hazizah Mohd Sultan (Pembangunan Sosial).

Selain itu biro pertanian dan teknologi pemakanan diketuai oleh Senator Melati Ali, Zaleha Husin (Agama), Khamsiah Yeop (luar bandar), Fauziah Hamid (kebudayaan), Dr Norraesah Mohamad (ekonomi), Datin Shuhainie Deraman (pelancongan), Ilani Ishak (perhubungan antarabangsa), Dr Rubia Kosai (kesihatan dan Sharifah Aziah Syed Zain (hal ehwal belia).

Beliau meminta semua anggota wanita Umno supaya melupakan segala pertikaian ketika pertandingan merebut jawatan baru-baru ini dan mengikis tanggapan bahawa cuma mereka yang menjadi exco sahaja yang boleh bekerja untuk parti.

-- BERNAMA

AKT PR